



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
SIARAN MEDIA**

**PENYERTAAN MALAYSIA DALAM ALLIANCE 8.7 SEBAGAI NEGARA
PATHFINDER**

1. *Alliance 8.7* telah ditubuhkan bagi meningkatkan usaha untuk mencapai *Target 8.7* di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) melalui pengiktirafan sebagai negara *Pathfinder*. *Target 8.7* bertujuan untuk memastikan semua negara mengambil tindakan dan langkah segera dalam menghapuskan buruh paksa, buruh kanak-kanak, perhambaan moden dan pemerdagangan manusia.
2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 November 2021 telah bersetuju agar Malaysia menyertai *Alliance 8.7* sebagai negara *Pathfinder* di bawah SDG. Malaysia telahpun mengemukakan surat kepada sekretariat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization – ILO*) pada 31 Mac 2022 berhubung hasrat negara untuk menjadi negara *Pathfinder*.
3. Penyertaan Malaysia sebagai negara *Pathfinder* akan membuktikan komitmen dan kesungguhan negara untuk mencapai *Target 8.7* SDG dan menjadikan Malaysia sebagai negara kedua di ASEAN selepas Vietnam.
4. Langkah ini juga adalah seiring dengan matlamat Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa (2021 – 2025) atau *National Action Plan on Forced Labour* (NAPFL) dan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2021-2025) atau *National Action Plan on Trafficking in Persons* (NAPTIP).
5. Penyertaan Malaysia di dalam *Alliance 8.7* juga akan memberi impak positif kepada kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang (*Trafficking in Persons Report – TIP Report*), serta platform-platform hak asasi manusia yang lain.
6. Sebagai merealisasikan hasrat tersebut, Malaysia akan bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations - UN*) dan ILO melalui pelaksanaan program-program kesedaran, peningkatan kapasiti serta perkongsian amalan baik dari negara-negara *Pathfinder* yang lain.

7. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia ingin menjemput organisasi awam dan swasta, kesatuan pekerja dan majikan, pertubuhan masyarakat madani (*Civil Society Organisations* - CSO), institusi akademik serta lain-lain pemegang taruh untuk menyatakan hasrat bagi menyertai *Alliance 8.7* di Malaysia melalui laman web rasmi Kementerian di <https://www.mohr.gov.my/index.php/ms/> selewat-lewatnya pada 20 Oktober 2022. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan melalui emel rasmi alliance8.7@mohr.gov.my.

8. Organisasi yang telah menyatakan hasrat untuk menyertai *Alliance 8.7* di Malaysia akan terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pelan hala tuju *Alliance 8.7* (*Alliance 8.7 Roadmap*) berdasarkan teras utama NAPFL dan NAPTIP. Satu bengkel perancangan strategik bagi membangunkan pelan hala tuju *Alliance* (*Alliance 8.7 Roadmap*) ini dijangka akan diadakan pada bulan November 2022. Pemakluman lanjut berhubung bengkel ini akan dimaklumkan oleh Kementerian dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
14 OKTOBER 2022**